



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
9 April 2023**

PNB JALIN KERJASAMA DENGAN GENTARI UNTUK MENEMPATKAN 59 PENGECAS EV

Pengecas EV pertama dipasang di Kota Bharu, Kelantan, beroperasi 24 jam

Kota Bharu, 9 April 2023: Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan kerjasama Gentari Sdn Bhd (Gentari), hari ini melancarkan pengecas Kenderaan Elektrik (EV) pertamanya di Hotel Perdana Kota Bharu, Kelantan, terdiri daripada dua unit pengecas arus ulang-alik (AC) 11kW dan 22kW, dan satu unit pengecas pantas arus terus (DC) 60kW, yang dilengkapi dengan dua titik pengecasan.

Pengecas-pengecas ini merupakan yang pertama untuk Kumpulan PNB dan inisiatif pertama seumpamanya di Kelantan yang beroperasi 24 jam sehari, untuk kemudahan para pemandu EV.

Tetamu Hotel Perdana Kota Bharu boleh mengecas EV mereka dengan mudah sewaktu menginap di hotel. Sementara itu, tetamu walk-in boleh menggunakan pengecas EV ini selain menggunakan kemudahan hotel termasuk mengunjungi restoran Cerana dan Jade semasa menunggu kenderaan mereka dicas. Bersempena dengan pelancaran pengecas EV ini, Perdana Kota Bharu menawarkan secawan kopi dan sebiji croissant secara percuma kepada pengguna pengecas EV di situ. Tawaran ini berlangsung selama dua bulan bermula hari ini.

PNB telah bekerjasama dengan syarikat penyelesaian tenaga bersih Gentari, melalui anak syarikat milik penuhnya Gentari Green Mobility Sdn Bhd untuk memasang sejumlah 59 unit pengecas EV di 18 hartanah di bawah Kumpulan PNB. Pemasangan dijangka siap pada penghujung tahun 2023.

Ketua Pegawai Pelaburan, Pelaburan Persendirian dan Strategik PNB, Rick Ramli berkata semasa acara pelancaran itu, "Pengaturan kedudukan pengecas-pengecas EV akan merangkumi pelbagai perniagaan di bahagian Hartanah, termasuk pejabat, hotel & pusat peranginan, kelab golf dan pusat beli-belah di bawah Kumpulan PNB. Penempatan kami yang seterusnya adalah di Vilea Rompin Resort & Golf di Kuala Rompin, Pahang, Plaza Pelangi,

Pelangi Leisure Mall dan Perling Mall di Johor Bahru, Johor, Menara PNB di Kuala Lumpur dan 12 hartanah lain."

"Inisiatif ini adalah sejajar dengan Komitmen #2 Rangka Kerja Kelestarian PNB untuk memacu usaha penyahkarbonan dalam portfolio kami dan akan menyokong ekosistem EV di bawah Pelan Tindakan Mobiliti Rendah Karbon Kerajaan Malaysia 2021 – 2030; komitmen untuk menubuhkan 10,000 stesen pengecas EV di seluruh negara menjelang 2025," Rick Ramli berkata lanjut.

Ketua Pegawai Operasi, Gentari Green Mobility, Haikal Zubir berkata, "Kami berbesar hati bekerjasama dengan PNB yang mempunyai visi yang sama dalam perjalanan ke arah mobiliti hijau. Melalui kerjasama ini, Gentari akan menyediakan infrastruktur yang diperlukan di hartanah PNB untuk menyokong keperluan pemandu kenderaan elektrik, bermula dengan Perdana Kota Bharu, Kelantan. Ini juga menandakan pengembangan jejak infrastruktur pengecasan kami ke rantau Pantai Timur yang akan meningkatkan keyakinan pemanduan antara negeri."

Sejak penubuhannya pada tahun 1978, PNB menjadi penjaga kekayaan dan aset rakyat Malaysia yang dipercayai dan bertanggungjawab untuk memimpin dan memudahkan perubahan, bagi memastikan peralihan yang teratur dan adil ke arah ekonomi yang mampan.

PNB telah melancarkan Rangka Kerja Kelestarian PNB pada 21 April 2022, yang menggariskan 10 komitmen untuk operasi PNB sendiri, serta pelaburannya di bawah tiga teras Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Rangka kerja ini membantu PNB kekal fokus dalam menuju ke arah landskap pelaburan global yang berubah, di mana PNB menyasarkan untuk menjadi perusahaan sifar bersih menjelang 2025, portfolio sifar bersih menjelang 2050 dan bekerjasama dengan syarikat pelaburannya untuk menyokong sasaran pelepasan karbon sifar bersih negara.

Penempatan pengecas-pengecas EV di hartanah Kumpulan PNB, adalah salah satu inisiatif di bawah teras 'Alam Sekitar' Rangka Kerja Kelestarian, dalam menyokong peralihan ke arah ekonomi hijau.

-TAMAT-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) merupakan antara syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB meliputi pelaburan strategik dalam syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my dan www.pnb.com.my/11_0Sustainability.php.

Gentari Sdn Bhd

Gentari adalah sebuah entiti penyelesaian tenaga bersih yang menawarkan penyelesaian berkarbon rendah melalui tiga teras utama – Tenaga Boleh Diperbaharui, Hidrogen dan Mobiliti Hijau, membentuk satu portfolio penyelesaian merentas rantaian nilai elektron untuk membantu pelanggan mencapai pelepasan sifar bersih. Bagi jangka panjang, Gentari berhasrat menjadi pembekal penyelesaian sifar bersih yang lengkap, mencipta nilai yang lebih tinggi, menghubungkan perniagaan dan membolehkan peralihan kepada sifar bersih. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.gentari.com.

Dikeluarkan bersama oleh Permodalan Nasional Berhad dan Gentari Sdn Bhd.